

**KONSEP KAJIAN AMALAN RUNCING CARA KELUARGA DI JABATAN AGAMA  
ISLAM NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA: TINJAUAN TERHADAP KEPERLUAN  
MODUL KHUSUS**

Azizah Mohd Rapini, Nur Zulfah Md Abdul Salam, Zanariah Dimon, Hammad Mohamad  
Dahalan & Zaini Yusnita Mat Jusoh  
azizah@kuis.edu.my, nurzulfah@kuis.edu.my, zanariah@kuis.edu.my, hammad@kuis.edu.my &  
zainiyusnita@kuis.edu.my  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

**ABSTRAK**

Runding cara melibatkan proses memberi khidmat nasihat menerusi perbincangan tentang cara-cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seseorang atau kelayan. Hampir kesemua jabatan agama Islam negeri-negeri menyediakan perkhidmatan runding cara kekeluargaan atau khidmat nasihat yang kebanyakannya berada di bawah Bahagian Undang-undang Keluarga jabatan berkenaan. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan nama unit-unit tersebut sama ada menggunakan nama Unit Khidmat Nasihat, Unit Rundingcara, Unit Khidmat Nasihat Dan Rundingcara atau Unit Pembangunan Keluarga. Walau apa pun nama unit-unit tersebut proses kerja yang berlaku adalah sama iaitu menguruskan aduan rumah tangga dan kekeluargaan melibatkan isu pernikahan, perceraian, rujuk dan pelbagai aduan berkaitan krisis rumahtangga melibatkan pertemuan, perbincangan dan bimbingan di antara pegawai runding cara dengan individu yang memerlukan khidmat tersebut. Keberkesanan unit rundingcara atau khidmat nasihat sedia ada banyak bergantung kepada kerjasama pihak-pihak terlibat terutama individu yang memerlukan perkhidmatan sepanjang tempoh runding cara yang kadang-kadang juga bergantung kepada kerjasama pihak ketiga yang dipanggil hadir bersama untuk sesi tersebut. Oleh kerana proses yang berlaku melibatkan implikasi dalam rumahtangga dan institusi keluarga, kemahiran mengendalikan aduan dan khidmat nasihat adalah sangat penting untuk membina keyakinan, kepercayaan pelanggan atau kelayan dan seterusnya keberkesanan dalam penyelesaian masalah yang dikemukakan. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, proses runding cara adalah sangat penting dalam membantu menyelesaikan krisis rumah tangga dan konflik kekeluargaan walau pun tidak kesemua kes berakhir dengan perdamaian. Kajian-kajian terdahulu juga mendapati terdapat beberapa kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh unit tersebut yang antaranya menggunakan kaedah kaunseling syarie, kaunseling spritual, gabungan kaedah kaunseling barat atau moden dengan kaunseling Islam dan pendekatan nasihat seperti yang

dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, setakat sorotan kajian dilakukan, tiada satu modul khusus yang lebih terperinci untuk menyelesaikan masalah kekeluargaan di unit berkaitan di peringkat negeri. Hanya setakat yang ada adalah standard operasi unit yang hanya melibatkan proses-proses pentadbiran dan pengurusan kes serta panduan umum yang disediakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia melalui Manual Kaunseling Syarie. Oleh yang demikian kajian ini akan meneroka keperluan pembinaan modul khusus rundingcara kekeluargaan dengan meneliti terlebih dahulu sejauh mana amalan atau pelaksanaan runding cara kekeluargaan di jabatan agama Islam negeri-negeri di Malaysia.

**Kata kunci:** runding cara, khidmat nasihat, konflik, kaunseling, Jabatan Agama Islam.

## **1.0 PENGENALAN**

Kertas kerja ini akan menjelaskan konsep awal kajian yang bertajuk ‘Pembanguna Modul Amalan Runding Cara Keluarga (URK) di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) di Malaysia’. Kajian ini secara umumnya akan memberikan tumpuan terhadap amalan semasa di JAIN dalam menjalankan proses runding cara selepas menerima aduan daripada kelayan (*client*). Daripada amalan semasa proses di URK JAIN maka kajian akan cuba mengenalpasti sama ada wujud atau tidak keperluan untuk pembinaan modul khas runding cara ke arah pelaksanaan perkhidmatan yang seragam atau cukup dengan proses sedia ada seperti yang sedang diamalkan.

Kerta kerja ini juga secara umumnya akan mengemukakan prospek awal kajian meliputi pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, tinjauan literatur dan kesimpulan awal kajian. Di samping itu juga, dapatan awal kajian kertas kerja ini berserta komentar dan pandangan yang diperolehi akan dijadikan asas dan panduan untuk gerak kerja perolehan dan analisis data seterusnya sebelum menghasilkan modul khusus seperti yang disasarkan.

## **2.0 PENYATAAN MASALAH**

Secara umumnya JAIN di Malaysia mempunyai unit atau bahagian khas mengendalikan aduan-aduan krisis rumahtangga atau konflik kekeluargaan. Walau dengan nama atau istilah perkhidmatan yang berbeza peranan dan tanggungjawab membantu masyarakat melalui khidmat nasihat sememangnya wujud di JAIN dengan misi, visi, objektif dan standard operasi (SOP) yang berbeza. Berikut disenaraikan sebahagian nama dan perkhidmatan khidmat nasihat kekeluargaan di beberapa buah negeri di Malaysia yang terpapar di laman-laman *web* JAIN (tidak semua laman *web* JAIN dikemaskini untuk tatapan umum disebabkan penyelenggaraan):

Jadual 1: Senarai perkhidmatan khidmat nasihat di Malaysia.

<b>NO</b>	<b>JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI</b>	<b>NAMA UNIT/PERKHIDMATAN</b>
1	Selangor	Unit Khidmat Nasihat Dan Runding Cara Kekeluargaan
2	Wilayah Persekutuan	Unit Runding Cara Dan Pembangunan Keluarga Islam
3	Johor	Unit Khidmat Nasihat
4	Negeri Sembilan	Unit Rundingcara
5	Perak	Unit Pembangunan Keluarga
6	Melaka	<i>Maklumat umum di bawah tanggungjawab Bahagian Undang-undang Keluarga Islam</i>
7	Kelantan	Unit Khidmat Nasihat
8	Terengganu	Unit Runding Cara
9	Pulau Pinang	Unit Khidmat Nasihat
10	Kedah	Unit Khidmat Nasihat
11	Perlis	Unit Runding Cara
12	Sarawak	Unit Rundingcara Dan Khidmat Nasihat

Kesemua unit-unit di atas secara umumnya diletakkan di bawah unit induk Bahagian Undang-undang Keluarga (BUUK) JAIN yang menyediakan perkhidmatan menerima dan memberi khidmat nasihat terhadap aduan-aduan kekeluargaan dan perkhidmatan tersebut merupakan perkhidmatan yang tidak melibatkan proses perundangan yang hanya dikendalikan oleh mahkamah syariah. Oleh yang demikian, bagi kes krisis rumahtangga contohnya, terdapat dua destinasi yang boleh dirujuk oleh pasangan suami isteri iaitu sama ada mereka akan ke JAIN untuk mendapatkan khidmat nasihat mencari jalan penyelesaian atau perdamaian atau pun terus ke mahkamah syariah untuk memfailkan perceraian yang secara umumnya prosedur terkini tidak memerlukan laporan kaunseling/khidmat nasihat JAIN. Dengan SOP terbaru mahkamah syariah masa kini untuk memudahkan proses permohonan perceraian tanpa memerlukan laporan unit khidmat nasihat JAIN terlebih dahulu, maka tidak hairanlah statistik perceraian semakin meningkat disebabkan ketiadaan usaha pasangan yang berkrisis untuk mencari jalan penyelesaian perdamaian melalui khidmat nasihat di JAIN (Temubual: 12 Februari 2018).

Oleh kerana BUUK dan URK di JAIN meletakkan objektif perkhidmatan untuk mengendalikan aduan kekeluargaan dan memberikan khidmat nasihat, maka tugas dan tanggungjawab mereka hanya berhenti setakat selesainya proses runding cara selagi diperlukan

oleh kelayan tanpa wujud hubungan perundangan dengan pihak mahkamah yang menguruskan perceraian. Dengan kata lain sekiranya pasangan mendapatkan khidmat nasihat dari URK enggan untuk berdamai dan tetap meneruskan hasrat untuk bercerai maka pihak URK hanya menyediakan laporan yang berkaitan untuk rekod unit tersebut, atau pun pihak URK sendiri yang mengesyorkan kelayan untuk meneruskan proses perundangan di mahkamah dalam keadaan-keadaan yang medesak seperti kes penganiayaan isteri untuk isteri meneruskan prosedur tuntutan fasakh (Temubual: 29 Jun 2018). Senario di atas berbeza dengan proses permohonan perceraian suatu ketika dulu apabila mahkamah syariah meletakkan salah satu senarai semak permohonan cerai ialah laporan kaunseling/runding cara yang diadakan di JAIN. Keperluan menghendaki pasangan mengemukakan laporan tersebut sedikit sebanyak, walaupun melambatkan proses perceraian, ia boleh memberi ruang masa dan peluang pasangan untuk menarik balik hasrat untuk bercerai sekaligus boleh menurunkan kadar perceraian (Temubual: 12 Februari 2018). Oleh yang demikian, pengkaji melihat keperluan memperkasakan peranan URK sebagai satu ejen perdamaian untuk mengurangkan kadar perceraian dan memelihara institusi kekeluargaan serta mengembalikan keperluan atau SOP yang menghubungkan URK/BUUK dengan mahkamah syariah melalui pelaksanaan runding cara yang lebih efisien dan berkesan.

Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengorak langkah membantu institusi-institusi yang berperanan memberikan khidmat runding cara dan kaunseling seperti di JAIN melalui penggubalan dan penerbitan Manual Kaunseling Syarie. Ia merupakan salah satu langkah unggul dengan menyediakan panduan dan rujukan para kaunselor atau pegawai rundingcara tentang kaedah pelaksanaan runding cara atau kaunseling yang lebih berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah meliputi soal adab, konsep kaunseling syarie, konsep tauhid dan kemahiran kaunseling (JAKIM:2). Walau bagaimanapun kandungan manual berkenaan masih lagi terlalu umum untuk diaplikasikan secara khusus kes-kes yang berkaitan krisis rumah tangga atau konflik kekeluargaan seperti penganiayaan isteri, pengabaian nafkah, *syiqaq* atau perkelahian suami isteri, ketidakadilan poligami, nusyus isteri, nusyuz suami dan kesahtarafan anak. Selain dari Manual Kaunseling Syarie terbitan JAKIM, ada juga negeri yang telah menyediakan dan menerbitkan satu standard operasi atau SOP khas dalam pengendalian URK. Contohnya di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) wujud Prosedur Operasi Standard Khidmat Nasihat & Rundingcara Kekeluargaan. Walau bagaimanapun kandungan SOP tersebut adalah

lebih kepada panduan pentadbiran dan pengurusan kes/fail/rekod dalam penerimaan aduan-aduan berkaitan tanpa ada panduan khusus tentang kaedah atau pendekatan yang boleh digunakan dalam proses runding cara mengikut kategori kes yang berbeza. Oleh yang demikian, pengkaji melihat perlunya diwujudkan modul khusus bagi membantu pegawai-pegawai berkenaan menjalankan proses runding cara secara efisien dan efektif melalui pelaksanaan yang seragam, terutama pegawai-pegawai yang baru diterima masuk dalam perkhidmatan yang berkaitan.

Data-data dan statistik yang diperolehi pengkaji di peringkat awal pengumpulan data lapangan memperlihatkan angka yang signifikan berkaitan aduan kekeluargaan sama ada di peringkat daerah (Pejabat Agama Islam Daerah) dan di JAIS sendiri yang membuktikan keperluan perkhidmatan berkaitan sepanjang masa pejabat beroperasi (Temubual: 29 Jun 2018). Oleh yang demikian sebuah modul yang khusus untuk mengendalikan aduan kekeluargaan melalui kaedah pelaksanaan yang seragam adalah sangat diperlukan sebagai panduan dan sumber tambahan memudahkan tugas pegawai runding cara di samping kursus-kursus kemahiran berkaitan yang diadakan dari semasa ke semasa.

Oleh kerana Fakulti Syariah Dan Undang-undang (FSU), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah mengorak langkah mengadakan perkhidmatan kemasyarakatan iaitu Klinik Rundingcara Undang-undang dan Klinik Rundingcara Hukum Syarak dengan kerjasama pakar dalam bidang dan industri (Persatuan Peguam Syarie Malaysia/PGSM), modul sebegini adalah sangat penting sebagai panduan operasi bukan sahaja di FSU, KUIS malah di mana-mana institusi berkaitan terutama di JAIN.

### **3.0 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini secara khususnya akan cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut berasaskan kepada pernyataan masalah yang dikemukakan sebelumnya, iaitu:

- i. Apakah peranan sebenar Unit Rundingcara Keluarga (URK) di jabatan-jabatan agama Islam negeri dan bagaimanakah proses runding cara tersebut dilaksanakan?
- ii. Apakah pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh URK semasa proses runding cara dijalankan?

- iii. Adakah wujud keperluan pembinaan modul rundingcara bagi memudahkan proses tersebut di URK?

#### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini telah menggariskan beberapa objektif utama berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang digariskan sebagai asas kepada proses pengumpulan dan penganalisan data kajian, iaitu:

- i. Mengkaji peranan dan pelaksanaan Unit Rundingcara Keluarga (URK) di jabatan-jabatan agama Islam negeri (JAIN).
- ii. Meneroka pendekatan dan kaedah rundingcara kekeluargaan di URK jabatan-jabatan agama islam negeri.
- iii. Membangunkan modul rundingcara kekeluargaan Islam bagi kegunaan Klinik Runding Cara (KRC) Fakulti Syariah Dan Undang-undang (FSU) dan URK jabatan-jabatan agama Islam negeri.

#### **5.0 KEPENTINGAN KAJIAN**

Oleh kerana kajian ini mensasarkan pembinaan modul bagi kegunaan URK di JAIN, maka kajian pelaksanaan proses dan operasi di URK adalah sangat penting atas justifikasi berikut:

- i. Meningkatkan kemahiran kakitangan/pegawai di URK.
- ii. Memudahkan proses runding cara melalui kaedah pelaksanaan yang seragam.
- iii. Membina keyakinan masyarakat terhadap fungsi dan keberkesanan URK.
- iv. Memelihara institusi kekeluargaan dengan meminimumkan risiko perceraian.

## **6.0 METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan pengumpulan maklumat dalam bentuk temubual dan dokumentasi berhubung pendekatan dan amalan runding cara keluarga yang diaplikasikan di JAIN.

### **6.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan metode temubual kumpulan fokus dan dokumentasi sebagai instrumen utama pengumpulan data. Temubual dilakukan secara bersemuka separa struktur bersama informan-informan yang terdiri daripada pegawai-pegawai di URK, JAIN dan kelayan yang menggunakan perkhidmatan di URK sendiri.

Hasil temubual akan melalui proses transkripsi data untuk proses pengkelasan dan mentemakan data secara manual tanpa melibatkan penggunaan teknik khusus seperti Nvivo atas kekangan masa kajian yang terhad.

Metode dokumentasi pula melibatkan dokumen, pamflet atau statistik kes atau aduan daripada pihak JAIN untuk melengkapkan dan menyokong data temubual sebagai bahan rasmi agensi tersebut.

### **6.2 Pemilihan Sampel Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sample*) melibatkan informan dalam kalangan pegawai kaunselor/rundingcara dan kelayan di jabatan agama Islam negeri-negeri terpilih.

- i. Zon Utara (Kedah)
- ii. Zon Selatan (Johor)
- iii. Zon Timur (Kelantan)
- iv. Zon Barat (Selangor)



Pemilihan empat negeri mewakili zon dibuat secara rawak bagi memudahkan proses dan pelaksanaan kajian yang mengambil tempoh masa kajian yang sangat terbatas.

### **6.3 Kaedah Penganalisan Data**

Data-data kualitatif yang diperolehi secara umumnya akan dianalisis secara manual tanpa terikat dengan teknik khusus seperti Nvivo, menggunakan pendekatan secara induktif, deduktif dan komparatif. Data dianalisis secara induktif melalui rumusan data yang telah ditranskripsi dari temubual, manakala analisis deduktif dilakukan melalui penjelasan statistik aduan kes kekeluargaan dan analisis secara komparatif dilakukan dalam melihat perbezaan kaedah pelaksanaan proses runding cara antara negeri-negeri yang dipilih sebagai sampel.

## **7.0 TINJAUAN LITERATUR**

### **7.1 Konsep Dan Peranan Unit Runding Cara Kekeluargaan**

Noresah Baharom (2007) di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat telah mendefinisikan runding cara sebagai khidmat nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya. Kebiasaannya amalan runding cara ini diamalkan di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di bahagian Undang-Undang Kekeluargaan.

Konsep runding cara keluarga menurut Rifda El-Fiah (2016) melibatkan proses khidmat nasihat yang mengambil kira aspek kerohanian, syariah dan aqidah bagi mencapai matlamat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Terdapat empat tujuan kaunseling keluarga menurut perspektif Islam iaitu; pertama, membantu individu mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam konflik rumahtangga. Kedua, membantu individu untuk mencegah timbulnya masalah-masalah yang berkaitan dengan kehidupan rumah tangga (keluarga). Ketiga, membantu individu menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pernikahan dan kehidupan berumah tangga. Yang terakhir, membantu individu memelihara keharmoniaan dan kerukunan rumahtangga.

Dapatan yang sama dengan kajian Suhaya Deraman, et al. (2017) bahawa penerapan nilai-nilai Islam adalah sangat penting dalam proses kaunseling kekeluargaan. Berbeza dengan pendekatan kaunseling barat yang tidak menekankan aspek rohani seseorang individu dan lebih menekankan nilai rasional yang perlu dipatuhi bagi membolehkan seseorang individu itu dapat menjalankan tugas kehidupannya dengan teratur.

Seterusnya, Ahmad Atabik (2013) mengatakan kaunseling dalam keluarga merupakan suatu proses bimbingan kepada individu yang menghadapi konflik rumahtangga secara konsisten oleh kaunselor atau pegawai runding cara.

Salasiah Hanim Hamjah (2010) mengatakan penerapan elemen spiritual dalam kaunseling merupakan satu keperluan yang telah diiktiraf secara meluas oleh para pengamal kaunseling pada masa kini. Ini kerana pelbagai masalah yang dihadapi oleh manusia bukan sahaja berpunca dari aspek lahiriah tetapi juga berpunca dari aspek spiritual, terutama yang bersangkutan dengan soal hati dan emosi.

Terdapat kaedah lain yang digunakan selain daripada runding cara keluarga iaitu kaedah *sulh*. Mohd Fuad Salleh (2015) mendefinisikan dari segi istilah dan syara' iaitu *sulh* merupakan satu proses di mana pihak-pihak yang terlibat di dalam suatu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah, dipanggil dan dipertemukan di dalam suatu majlis perundingan dipimpin secara rasmi. Pertemuan ini diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu dan jika perdamaian tercapai maka keputusan perdamaian akan dikeluarkan sebagai satu perintah mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa.

Menurut Haliza A. Shukor, et al. (2012) pula, *sulh* atau perdamaian merupakan proses di mana pihak-pihak yang terlibat dalam satu pertikaian dipertemukan dalam satu majlis yang tidak formal dan dipengerusikan oleh seorang pegawai *sulh* sebagai pengerusi. Pegawai *sulh* berperanan untuk mengenalpasti skop pertikaian serta masalah dari segi sebab, halangan dan jalan penyelesaian yang sesuai.

Seterusnya, Mohd Shukri bin Ahmad Termizi & Che Maryam Ahmad (2015) mengatakan bahawa proses *sulh* bergantung kepada persetujuan kedua-dua belah pihak yang bertikai. Manakala bagi menyelesaikan pertikaian dalam perkahwinan seperti nusyuz dan syiqaq, proses *sulh* hanya melibatkan runding cara atau kaunseling keluarga, jawatankuasa pendamai dan hakam.

Hammad Mohamad Dahalan & Mohamad Azahan Yahya (2016) mengatakan proses *sulh* adalah berbeza dengan perbicaraan di dalam mahkamah kerana proses *sulh* dilakukan di luar mahkamah dan pihak-pihak yang terlibat hanyalah melibatkan Pegawai *Sulh* (sebagai pihak tengah) dan mereka yang bertikai. Menurutnya lagi, *sulh* merupakan keputusan atau hasil dari suatu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai dan bersengketa. Majlis *Sulh* merupakan suatu proses perundingan dipimpin yang dijalankan sesuai dengan peraturan yang ditetapkan oleh Hukum Syara' dan undang-undang bagi tercapainya *sulh*. Pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah secara tidak rasmi telah pun dipelopori oleh pendaftar dan penolong pendaftar Mahkamah Syariah dan para Peguam Syarie malah adakalanya datang dari perintah daripada Hakim Syarie.

Menurut Siti Noraini Haji Mohd Ali & Zulkifli Hassan (2008), *sulh* merupakan suatu kaedah penyelesaian secara damai dan redha meredhai di mana pihak-pihak yang bertikai terhadap sesuatu tuntutan atau permohonan menghadiri satu proses perbincangan di dalam suatu majlis perundingan yang dipimpin secara rasmi. Antara kes-kes disalurkan melalui kaedah *sulh* ialah tuntutan selepas perceraian, hak penjagaan anak, nafkah anak, nafkah tertunggak anak, permohonan perintah nafkah anak serta pelaksanaan perintah mahkamah (Pegawai Sulh Jadi Perantara, 2002). Laporan kepada mahkamah akan dibuat oleh pegawai *sulh* yang membawa kepada perintah mahkamah dikeluarkan untuk pelaksanaan.

Siti Noraini Mohd Ali (2008) mendapati secara umumnya, kaedah penyelesaian melalui konsep *sulh* telah menunjukkan kesan yang positif. Kajian Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor mendapati sebanyak 62 peratus kes yang didaftarkan di bawah kategori kes-kes *sulh*, berjaya diselesaikan melalui kaedah *sulh* sejak diperkenalkan pada tahun 2002 sehingga tahun 2007 iaitu sebanyak 6275 kes daripada jumlah kes sebanyak 10,121 yang didaftarkan di bawah kategori kes-kes *sulh* telah berjaya diselesaikan secara *sulh*. Statistik ini menunjukkan

keberkesanan penyelesaian melalui kaedah *sulh* di Selangor, dan ini menggambarkan bahawa kaedah ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat. Berdasarkan pengamatan dan pengalaman, faktor utama kes berjaya diselesaikan melalui kaedah *sulh* banyak bergantung kepada sikap dan keterbukaan pihak-pihak yang terlibat di dalam Majlis *Sulh*.

Firman Allah SWT :

﴿ لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ

أَتْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya :

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.”

An-Nisa’ (4): 114

Selain itu, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-kaedah telah memperuntukkan Seksyen 47 (5) hingga (15) tentang perceraian dengan talak atau dengan perintah yang mana ia memberi kuasa kepada mahkamah untuk melantik satu Jawatankuasa Pendamai sekiranya ia berpendapat bahawa ada kemungkinan untuk pasangan tersebut berdamai. Subseksyen (5) hingga (15) di bawah seksyen 47 enakmen yang sama memperincikan peranan mahkamah, kaedah perlantikan Jawatankuasa Pendamai dan syarat kelayakan pasangan bagi menggunakan seksyen ini (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2015). Seterusnya, Mohd Shukri Ahmad Termizi & Che Maryam Ahmad (2015) mengatakan diakhir tugas, Jawatankuasa Pendamai perlu menyediakan laporan sama ada usaha perdamaian berjaya atau tidak kepada mahkamah. Pandangan Jawatankuasa tersebut juga akan dikemukakan dalam laporan tersebut kepada mahkamah.

Di samping itu, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-kaedah juga telah memperuntukkan Seksyen 48 iaitu kaedah timbangtara oleh Hakam. Seksyen ini juga memperincikan peranan mahkamah dan kaedah perlantikan Hakam melalui subseksyen (1) hingga (7) di bawah seksyen yang sama (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2015). Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan (2012) menambah bahawa orang tengah atau pendamai berperanan untuk membantu menyelesaikan krisis rumah tangga yang dihadapi oleh pasangan suami isteri. Orang tengah juga dilantik apabila isteri merasakan bahawa ada kemungkinan *nushuz* daripada pihak suami.

Firman Allah SWT:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمْ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ

كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا

Maksudnya :

“Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya.

An-Nisa'(4) : 35

Mohd Shukri Ahmad Termizi & Che Maryam Ahmad (2015) mengatakan secara praktikalnya di Malaysia terdapat beberapa unit di bawah bidangnya bertanggungjawab untuk menyelesaikan krisis perkahwinan. Namun tempoh unit-unit ini akan mengambil masa yang panjang dan bidangnya sama dari segi tujuan untuk perdamaian, cuma berbeza sedikit hakam yang diberi kuasa lebih untuk mendapat kuasa melafazkan cerai. Sedangkan tempoh yang panjang tersebut mungkin mengurangkan keberkesanan dan kebanyakan pasangan juga telah pun menanggung beban dalam tempoh yang panjang dalam syiqaq perkahwinan.

Sementara menurut undang-undang konvensional atau sivil, terdapat beberapa kaedah yang menjadi amalan di Malaysia, iaitu timbangtara. Shamshina Mohamad Hanifa & Sri Yogamalar Sinnathamby (2013) mendefinisikan Timbangtara adalah satu kaedah alternatif, yang telah ditekankan dalam dekad yang lalu dalam usaha menyelesaikan penyelesaian antara pihak tanpa perlu membawa perkara itu ke mahkamah untuk penyelesaian. Beliau juga mengatakan bahawa satu perkara yang boleh dipertikaikan boleh dirujuk kepada seorang penimbangtara tunggal atau lebih, yang mempunyai kepakaran dalam penyelesaian yang dirujuk. Timbangtara melibatkan penentuan pertikaian oleh satu atau lebih pihak dalam pihak ketiga iaitu penimbangtara yang bebas daripada undang-undang atau perbicaraan di mahkamah. Di bawah tatacara timbangtara, undang-undang tidak bertindak untuk memihak kepada mana-mana pihak yang berselisih namun memastikan keadilan dapat dilaksanakan.

Seterusnya, Shamshina Mohamad Hanifa & Sri Yogamalar Sinnathamby (2013) menjelaskan satu lagi kaedah iaitu rundingan. Rundingan tidak melibatkan penglibatan mana-mana pihak ketiga. Ini kerana pihak yang terlibat sendiri (pihak yang bertikai) mengawal proses dan hasilnya. Mereka cuba untuk mengenal pasti perkara-perkara yang saling menarik dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul untuk mencapai situasi menang-menang (*'win-win situation'*). Ini membantu untuk meletakkan sesuatu dalam perspektif yang lebih baik dan mewujudkan impak yang berpanjangan, selain menjimatkan kos dan masa, ianya juga dapat mengeratkan hubungan daripada memburuk-burukkan antara pihak-pihak berkenaan.

Kaedah yang semakin mendapat tempat pada masa kini ialah mediasi. Menurut Shamshina Mohamad Hanifa & Sri Yogamalar Sinnathamby (2013), di bawah mediasi, pihak ketiga yang dikenali sebagai mediator akan membantu pihak yang berselisih untuk menyelesaikan masalah mereka. Adalah penting untuk difokuskan di sini bahawa fungsi mediator dalam proses mediasi bukanlah untuk menetapkan atau membetulkan kaedah penyelesaian yang mesti diikuti oleh pihak yang berselisih, namun sebaliknya disarankan cara dan kaedah yang dapat dilakukan untuk menyelesaikan pertikaian. Ini menunjukkan bahawa perkara akhir dan muktamad dalam penyelesaian pertikaian itu terletak di tangan pihak-pihak yang berselisih. Tidak seperti rundingan, dalam proses mediasi, mediasi memainkan peranan

yang lebih aktif dengan mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu yang dihadapi. Oleh itu, pengantara hanya boleh membuat cadangan tetapi terserah kepada pihak yang berselisih untuk mencapai penyelesaian yang terbaik bagi memenuhi kedua-dua kepentingan pihak yang berselisih.

Ahmad Hariri Mohd Saad (2014) mendapati kebanyakan kajian berkaitan pengukuhan perkahwinan menyimpulkan bahawa langkah pencegahan awal seperti program pendidikan pra perkahwinan, program kaunseling terbukti berkesan. Program yang berasaskan kemahiran dikatakan dapat membantu mengurangkan masalah perkahwinan yang tidak berfungsi melalui kaedah mengekalkan kemahiran. Contohnya program *The Art of Loving Well* yang menekankan kemahiran sosial dan emosi, komunikasi yang berkesan, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran menghadapi konflik telah diuji keberkesanannya keatas peserta dalam kemahiran aspek tersebut yang secara positif boleh dikaitkan dengan hasil perkahwinan yang baik.

Manakala Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Hanit Osman (2011) mengatakan kaunseling bukan bererti nasihat, walaupun terdapat nasihat yang diberikan. Malah, kaunselor tidak memberi jawapan secara langsung kepada semua klien, kerana apa yang baik untuk kaunselor tidak semestinya baik juga untuk klien. Keistimewaan khidmat kaunseling ialah ia membimbing klien mencari sumber dirinya yang menyumbang kepada isu yang dihadapi. Penerimaan dan perakuan sumber diri adalah penting dalam menghasilkan perubahan diri. Nasihat tidak akan diberi kerana ingin memberikan ruang kepada klien agar bertanggungjawab dengan keputusan dan tindakan yang dipilihnya. Tidak ada unsur pergantungan kepada kaunselor dan menggalakkan peningkatan kemahiran dan kematangan diri klien. Sekiranya nasihat diberikan kepada klien, ia merupakan salah satu strategi alternatif.

Di Malaysia, Lembaga Kaunselor Malaysia (Akta Kaunselor 1998) mendefinisikan kaunseling sebagai salah satu proses sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai satu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang akan berterusan sepanjang hayat klien. Walaupun pelbagai definisi kaunseling diberikan, namun berdasarkan

beberapa unsur penting yang ditekankan oleh semua pakar kaunseling dapat disimpulkan bahawa “kaunseling adalah proses pertolongan professional yang bertujuan membantu individu memahami dirinya dan alam sekeliling”. Terdapat beberapa unsur yang penting dalam kaunseling seperti proses, menolong, individu dan alam (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Hanit Osman, 2011).

Daripada pendefinisian dan pengistilahan yang berbeza seperti di atas sama ada menggunakan terma runding cara, kaunseling, *sulh*, mediasi atau jawatan kuasa pendamai, menunjukkan wujudnya teknik atau kaedah yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu membantu menyelesaikan masalah dan mendamaikan pihak-pihak dalam memelihara sesebuah institusi khususnya institusi kekeluargaan. Cumanya, istilah runding cara dan kaunseling merupakan istilah yang lebih relevan dan popular digunakan di JAIN bagi merujuk kepada fungsi dan peranan dalam mengendalikan aduan kekeluargaan.

## **7.2 Pelaksanaan Unit Runding Cara**

Kebiasaannya amalan runding cara ini diamalkan di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di Bahagian Undang-Undang Kekeluargaan (BUUK). Terdapat perbezaan amalan dan pelaksanaan runding cara di Jabatan-Jabatan Agama Islam di Malaysia. Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), proses runding cara dilaksanakan oleh Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga (UPPK) yang menyepadukan kaedah kaunseling dan nasihat berasaskan agama Islam, ilmu psikologi dan kemasyarakatan. Kaedah kaunseling UPPK berasaskan kepada gaya nasihat dan kaunseling yang digunakan pada zaman Rasulullah SAW yang digabungkan dengan ilmu psikologi dan sosiologi moden. Perkhidmatan Kaunseling dan Khidmat Nasihat Kekeluargaan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) boleh didapati oleh klien pada bila-bila masa sahaja pada waktu pejabat tanpa membuat temu janji terlebih dahulu. Klien perlu ke kaunter Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga dan mengisi borang yang disediakan. Perkhidmatan ini terbuka kepada semua dan tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk mengikutinya. Seorang kaunselor akan bertugas setiap hari bagi mengendalikan kaunseling dan khidmat nasihat kekeluargaan (Fariza Md Sham, Siti Ruqayah Tibek & Othman Talib, 2013).



Kajian Mohamed Sharif Mustaffa (2003) mendapati perkhidmatan runding cara di Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ) dilaksanakan oleh pegawai kaunseling bagi membantu pasangan suami isteri yang mempunyai masalah rumahtangga. Walau bagaimanapun, kajian mendapati kebanyakan pasangan yang mendapat khidmat nasihat sudah mempunyai keputusan untuk bercerai dan proses kaunseling hanya untuk memujuk mereka untuk mengubah fikiran.

Kajian-kajian lepas yang lain juga mendapati bahawa konflik rumah tangga yang mendapatkan khidmat nasihat runding cara kebiasaannya melibatkan elemen-elemen *nusyuz* dan *shiqaq* yang kebanyakannya berpunca dari faktor ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama.

Kajian oleh Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail (2010) mendapati perceraian kini bukan lagi dianggap sebagai masalah bersifat individu, tetapi boleh dianggap sebagai masalah sosial yang semakin sukar dibendung. Kelantan dan Terengganu adalah dua buah negeri di Pantai Timur yang boleh dikatakan termasuk dalam kategori negeri yang mempunyai kadar perceraian yang tinggi di Malaysia. Sebuah lagi negeri di Pantai Timur iaitu Pahang, walaupun mempunyai kadar perceraian yang lebih rendah, tetapi sering juga dirujuk sebagai negeri yang mempunyai banyak masalah berkaitan dengan perceraian.

Berdasarkan kajian oleh Raihanah Azahari (2007) di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling di Shah Alam mendapati, wanita merupakan jumlah yang paling ramai menjadi pengadu. Kenyataan ini menunjukkan bahawa wanita mungkin merasa lebih tertekan apabila berlakunya permasalahan rumahtangga. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang tinggi berlakunya pengabaian tanggungjawab di kalangan para suami memandangkan jumlah mereka yang diadu adalah 204 orang atau 68%. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa aduan krisis rumah tangga yang diterima oleh Jabatan Agama Islam Daerah Petaling di Shah Alam adalah daripada pelbagai latar belakang, tahap pendidikan dan status ekonomi. Antara aduan yang paling banyak dikemukakan ialah kegagalan suami memberikan nafkah kepada isteri, poligami, meninggalkan isteri atau menghilangkan diri, sikap suami yang suka menjalinkan hubungan dengan perempuan lain. Ini disokong oleh jenis aduan yang disenaraikan dalam Prosedur Operasi Standard Khidmat Nasihat & Runding Cara

Kekeluargaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (Khidmat Nasihat & Runding Cara Kekeluargaan).

Dapatan yang sama, Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari (2016) dalam kajian yang lain, juga mendapati antara faktor konflik rumah tangga disebabkan faktor yang sama. Walau bagaimanapun, kajian mendapati hasil runding cara di Bahagian Undang-Undang Keluarga di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) penghayatan Islam adalah penting dalam mengekalkan kerukunan rumah tangga.

### **7.3 Kaedah dan Pendekatan Unit Runding Cara**

Terdapat pelbagai kaedah dan pendekatan dalam melaksanakan proses runding cara sama ada menggunakan pendekatan barat atau Islam atau gabungan di antara kedua-duanya.

Menurut Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Hanit Osman (2011) '*Al-Amru bi Ma'ruf wa an-Nahyu 'an al-Munkar*' menjadi teras utama dalam tindakan seseorang menurut perspektif Islam. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab kolektif umat Islam, termasuk seorang kaunselor. Jadi pertolongan yang diberikan juga mestilah terarah kepada berbuat baik dan menjauhi keburukan atau dosa, setakat yang termampu.

Kajian Suhaya Deraman et. al (2017) mendapati kaunseling spiritual sebagai kaedah kaunseling yang sangat penting dalam sebarang proses runding cara kekeluargaan kerana ia mengambil kira aspek-aspek kerohanian dan memenuhi keperluan dunia dan akhirat. Kaunseling spiritual ini merupakan satu proses dalam merasionalkan klien yang berteraskan nilai-nilai murni agar mereka dapat membentuk satu sinar kehidupan yang harmonis. Persoalan spiritual atau kerohanian dalam kaunseling merupakan persoalan penting yang perlu diberikan perhatian wajar supaya perkhidmatan kaunseling yang diberikan lebih menepati keperluan semasa dan berupaya mengatasi permasalahan klien dengan berkesan. Konsep kaunseling spiritual ini menepati pembinaan Manual Kaunseling Syari'e, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menjadi panduan kepada pegawai-pegawai runding cara kekeluargaan di Malaysia. Manual

tersebut menitik beratkan aspek falsafah kaunseling syariah, hakikat kejadian manusia dan aspek ketauhidan. Manual Kaunseling Syarie dilihat sebagai pendekatan baru untuk kegunaan perkhidmatan Kaunseling di JAKIM dan JAIN khasnya dan Malaysia amnya (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2013).

Manakala kajian oleh Mohamed Sharif Mustaffa (2003) pula mendapati pegawai kaunseling di Jabatan Agama Islam seharusnya mengadaptasikan teori dan pendekatan Barat dengan pengetahuan dan pendekatan Islam. Ini bermaksud, proses runding cara dan kaunseling boleh menggabungkan teori kaunseling barat dengan kaedah Islam.

Walau bagaimanapun berdasarkan kajian yang lepas, masih belum wujud tanda yang jelas tentang hasrat mana-mana pengkaji yang mencadangkan keperluan wujudnya satu modul khusus yang lebih menyeluruh memberi panduan tentang kaedah pelaksanaan serta pendekatan yang lebih komprehensif dalam mengendalikan aduan kes-kes kekeluargaan.

## **8.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, proses runding cara adalah sangat penting dalam menyelesaikan krisis rumah tangga dan konflik kekeluargaan. Walaupun hampir setiap JAIN mempunyai unit tersendiri dalam mengendalikan aduan kes kekeluargaan dan memberikan khidmat nasihat, pengkaji merumuskan terdapat keperluan modul runding cara khusus yang lebih menyeluruh sebagai panduan kepada mana-mana pihak terutama pegawai-pegawai rundingcara untuk mengendalikan kes-kes dan aduan kekeluargaan yang kebiasaannya melibatkan krisis rumahtangga melalui kaedah yang lebih komprehensif, pendekatan yang lebih harmoni dalam pelaksanaan yang seragam.

## RUJUKAN

- Ahmad Atabik. 2013. Konseling Keluarga Islami. *Jurnal Bimbingan Konseling Islam 4:1*, Jun.Hlm: 165-184.
- Ahmad Hariri Mohd Saad & Raihanah Azahari. 2014. Penguatan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur. *Jurnal Fiqh 11*. Hlm: 175-194.
- Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj Tibek & Othman Hj. Talib. 2006. *Dakwah Dan Kaunseling Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim & Intan Nadia Ghulam Khan. Krisis Rumahtangga: Punca-punca Dan Cara Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-undang Keluarga IIsam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah Dan Undang-undang*. Hlm: 67-85.
- Manual Kaunseling Syarie*. 2013. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrl Azdi Wan Razali & Hanit Osman. 2011. *Kaunseling Islam*. Nilai : Penerbit USIM.
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanan Azahari. 2016. Penghayatan Islam Dan Hubungannya Dengan Konflik Rumahtangga: Kajian Di Unit Rundingcara, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Syariah 24: 3*. Hlm: 393-422.
- Prosedur Operasi Standard Khidmat nasihat & Rundingcara Kekeluargaan*. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Raihanah Azahari.2007. Permasalahan Rumahtangga: Kajian Di Unit Undang-undang keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah 15:1*. Hlm: 115-128.
- Rifda El-Fiah. 2016. Konseling Keluarga Dalam Perspektif Hukum Islam. *Analisis XVI*, June 2016. Hlm : 153-172.
- Shamshina Mohamad Hanifa' & Sri Yogamalar Sinnathamby [2013] 1 MLJ Ixxx. Hlm: 1-6.
- Siti Noraini Haji Mohd Ali. Pelaksanaan Sulh dan Aplikasinya di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. [2008] 2 ShLR i. Hlm:1-8.
- Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar & Mohamad Izzat Emir Ghazali. 2017. Persepsi Masyarakat Terhadap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Spiritual. *Islamiyyat 39*. Hlm: 57-65.
- Temubual bersama Maryam Mohd Zin, Unit Runding Cara Kekeluargaan & Khidmat Nasihat, Bahagian Undang-undang Keluarga, JAIS. 29 Jun 2018.
- Temubual bersama Salwana Binti Ahmad dahlan, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Undang-undang Keluarga, JAIS. 12 Februari 2018.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. 2010. Kualiti Hidup Dan harapan Masa Depan Ibu Tunggal Malayu Muslim di Pantai Timur Malaysia. *Islamiyyat 32*. Hlm 173-202.